Title	Tahyul sebagai kebiasaan kebudayaan
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1977 Muhammad Ariff bin Ahmad

Muhammad Ariff Ahmad (mas)

MR 7724

tanggal: 1 September 1977

siaran: Radio Singapura 770906 1730
*SARI BUDAYA

topik: TAHYUL SEBAGAI KEBIASAAN KEBUDAYAAN

Di akhir ceramah saya minggu lalu, telah saya sentuh sedikit tentang tahyul iaitu suatu daripada kebiasaan-kebiasaan kebudayaan yang diamalkan oleh nenek-moyang kita yang kebanyakannya bertentangan dengan ajaran Islam; dan telah saya sarankan supaya tahyul yang demikian itu dihapuskan dari kebiasaan hidup kita.

Tahyul atau takhayyul adalah angan-angan, iaitu sesuatu yang dikhayalkan dalam bayangan fikiran manusia sebagai ada: padahal yang sebenarnya ia tidak ada; atau sesuatu yang dikhayalkan sebagai makhluk ghaib yang dianggap berkuasa menentukan sesuatu tentang hidup manusia: padahal kekuasaan yang dikhayalkan itu tidak lebih daripada sesuatu yang terbayang dalam anggapan semata-mata.

Abdullah Munshi mentafsirkan takhayyul yang menjadi kebiasaan hidup nenek-moyang kita itu sebagai "kepercayaan anak-anak Melayu yang sia-sia lagi bodoh". Ini, telah dijelaskan Abdullah dalam catatan biografinya yang diberi nama Hikayat Abdullah. Antara kepercayaan-kepercayaan yang dianggap Abdullah sebagai bodoh itu ialah tentang kepercayaan anak-anak Melayu terhadap wujud dan kekuasaan pontianak, penanggalan dan lain-lain jenis hantu yang boleh mendatangkan mudarat kepada manusia.

Kepercayaan memanglah merupakan satu daripada tujuh unsur kemestaan kebudayaan atau yang disebut cultural universal. Kepercayaan-kepercayaan yang bersifat dongeng-dongeng rakyat, yang ada hubungannya dengan perkembangan fikiran masyarakat nenek-moyang memanglah ada dalam kebudayaan banyak bangsa manusia; malah setengah-setengahnya menjadi kemegahan masyarakat penganut kebudayaan itu.

Dongeng-dongeng tentang naga, geruda, raksasa, mambang, pelsit, jembalang, kelembai dan seumpamanya; yang dalam kehidupan sekarang hanya merupakan suatu khayalan atau sebagai lambang dan ungkapan sahaja itu, pada suatu masa dahulu pernah mempengaruhi dan menguasai hidup nenek-moyang kita.

Kisah-kisah tentang kegagahan, kesaktian dan kebolehan luar-biasa makhluk-makhluk itu telah mengkagumkan nenek-moyang kita yang masih dalam keadaan primitif. Tahap kekaguman terhadap tahyul sebagai kepercayaan itu lama-kelamaan meningkat ke tahap kehormatan; dan dari tahap kehormatan itu meningkat pula ke tahap kepujaan. Pada masa sebelum menerima ajaran agama, kepujaan terhadap tahyul itu merupakan pengabdian atau ibadat manusia terhadap makhluk-makhluk ghaib itu.

Apakala sampai ke tahap pengabdian itu, pemujaan-pemujaan yang berleluasa telah diamalkan oleh nenek-moyang terhadap tahyul itu dalam tiap peristiwa hidupnya sebagai pasrahan. Anak-anak diajarkan supaya menghormati dan memuja makhluk-makhluk ghaib itu. Anak-anak diyakinkan bahawa makhluk-makhluk ghaib itu berkuasa, dan tiap tempat di mukabumi ini berpenunggu yang menguasainya; segala pokok-pokok besar, busut-busut, kepala simpang, jembatan-jembatan, masing-masing berpenunggu belaka. Anak-anak diajarkan supaya lebih dahulu meminta izin tiap kali melalui atau duduk-duduk di tempat-tempat itu. Anak-anak diajarkan melafazkan kata, "tabik datuk-nenek, anak-cucu tumpang lalu," atau "tumpang apa-apa" yang hendak dilakukan di tempat-tempat itu, misalnya: tumpang duduk; tumpang buang air kecil dan sebagainya.

Jika izin itu tidak dipinta, manusia yang berbuat apa-apa di tempat itu, kononnya, akan ditimpakan apa-apa penyakit oleh penunggu-penunggu tempat itu, kerana orang-orang halus itu tidak berkenan terhadap sikap biadab atau tidak berbudi anak-anak itu, yang mencemarkan tempat-tempat tadi. Penyakit yang ditimpakan penunggu-penunggu tadi disebut "tersampuk" atau "keteguran".

Apakala seseorang hendak mendirikan rumah, maka tempat di mana hendak dibangunkan rumah itu harus disemah lebih dahulu. Semah itu dimaksudkan sebagai memberi rasuah kepada penunggu supaya penunggu itu menerima pembangun rumah itu menjadi penghuni baru di tempat itu bersama-sama Sang Penunggu atau sebagai bayaran saguhati kepada penunggu tempat itu supaya mereka mau berpindah dari situ dan membiarkan pembangun rumah tadi tinggal di situ tanpa gangguan-gangguan Sang Penunggu. Demikian pula halnya, kalau nenek-moyang kita dahulu hendak membuka kebun, membuka ladang atau hendak memulakan sesuatu upacara; pastilah dimulai dengan istiadat penyemahan juga.

Jika penyemahan tidak dilakukan, nenek-moyang kita percaya: kononnya, akan adalah kelak antara penghuni-penghuni rumah atau pem-

buka ladang atau pengambil bahagian dalam upacara-upacara itu yang akan mendapat malapetaka. Biasanya, kewarasan orang-orang yang kegangguan atau kerasukan hantu itu akan hanya dapat dipulihkan dengan cara berbuang ancak ke tempat-tempat yang ditentukan oleh Sang Penunggu tadi menerusi pawang dan bomoh tertentu. Buang ancak itu merupakan persembahan si sakit kepada penunggu-penunggu itu sebagai tanda pengakuan telah melakukan kesalahan dan meminta maaf.

Kepercayaan-kepercayaan demikian itu ada juga yang masih ~~juga~~ kedapatan lagi dalam kehidupan setengah-setengah kita yang sudah menganut agama Islam sekarang ini. Kebiasaan-kebiasaan demikian masih diamalkan oleh setengah-setengah kita walaupun mereka itu sedar bahawa kebiasaan itu bertentangan dengan ajaran Islam, kerana percaya kepada kekuasaan makhluk-makhluk samada yang ghaib ataupun yang hadir demikian itu adalah merosakkan iman kita terhadap Allah Yang Maha Kuasa! Dan tahyul-tahyul yang demikian itulah yang saya katakan dulu: tidak sayogia dikekalkan setorusnya dalam kebudayaan kita sekarang.

Banyak tahyul-tahyul lain, yang setelah dinilai semula dan kedapatan ia tidak bermenafaat lagi dalam kehidupan kita; kebanyakannya telah kita tinggalkan, misalnya:-

(a) Nenek-moyang kita mengajar anak-anaknya supaya jangan menunjuk bulan dengan jari telunjuk mereka, kerana kononnya: barangsiapa menunjuk bulan dengan jari telunjuk, maka jari telunjuk itu akan kodong atau bengkok;

(b) Anak-anak muda dilarang memakan berutu ayam, kerana kononnya: pemuda-pemuda yang suka makan berutu ayam itu, apabila meminang anakdara, pinangannya akan ditampik atau ditolak;

(c) Anak-anak perawan ditegah pula duduk di muka pintu, kerana kononnya: yang demikian itu boleh menjadikan anak dara itu tidak akan dipinang orang; padahal sekarang ini bukan saja duduk di pintu, malah mereka telah keluar rumah pergi bekerja;

(d) Anak-anak dilarang makan menatang pinggan, kerana kononnya: barangsiapa suka makan menatang, maka hidupnya akan sentiasa menanggung hutang sepanjang hayat;

(e) Kalau ada orang meninggal dunia pada hari Sabtu; maka pada masa mayat itu akan diusung untuk dikebumikan, cucur genting rumah si mati itu harus dijolok jatuh; sebiji mangkuk hendak-

lah dipecahkan di muka pintu; setengah-setengah kaul ada yang memecahkan sebiji kelapa; malah ada juga orang yang merendang kacang hijau lalu menaburkan kacang hijau yang telah direndang tadi di atas kubur si mati itu, dengan pesanan, "janganlah engkau pulang selagi kacang ini belum tumbuh!". Jika tidak dilakukan demikian, kononnya keluarga si mati itu akan mengalami kematian berturut-turut, tidak lama dari hari Sabtu itu.

Dan, banyak lagi yang lain-lain, yang telah kita tidak biasakan lagi dalam kehidupan sehari-hari kita sekarang.

Kalau tahyul-tahyul begini boleh dan berani kita tinggalkan kerana kita dapati tidak ada lagi menafaatnya dalam kehidupan sehari-hari kita, padahal ada setengah-setengah tahyul itu yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam, mengapa maka kita masih keberatan untuk meninggalkan setengah-setengah tahyul yang kita dapati bertentangan dengan ajaran Islam itu?

Saya fikir: dalam hal kebudayaan kita tidaklah harus bersikap fanatik. Sikap fanatik terhadap kebudayaan: bukan sahaja tidak memperkembang kebudayaan itu; bukan sahaja ia membiarkan kebudayaan itu menjadi kebudayaan yang statis atau beku, malah kebudayaan statis itu dapat menyeret bangsa atau masyarakat penganut kebudayaan itu kembali ke zaman primitifnya.

Kita percaya kepada slogan bahawa "kebudayaan nilai bangsa", jadi: kalau kita mau menjadi bangsa atau masyarakat yang maju, tak dapat tidak nilai bangsa kita mestilah maju. Kebudayaan yang statis itu tidak maju, dan sikap fanatik terhadap kebudayaan adalah menghalang kemajuan kebudayaan itu sendiri.

Sekianlah pendapat saya buat kali ini. Mudah-mudahan pendapat-pendapat yang saya ajukan tadi dapat dijadikan bahan berfikir pendengar-pendengar yang punya minat terhadap kebudayaan!

Terimakasih.